



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. kami : JPA(I)S.178/1/5-9/5 Klt.3 (6)
Tarikh : 5 Oktober 2020 / 17 Safar 1442H

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PELAWAAN UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN PERINGKAT SARJANA DI
LEE KUAN YEW SCHOOL OF PUBLIC POLICY, NATIONAL UNIVERSITY OF
SINGAPORE**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini telah menerima pelawaan daripada Lee Kuan Yew School of Public Policy (LKYSPP), National University of Singapore (NUS) untuk mencalonkan pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) bagi mengikuti pengajian peringkat Sarjana secara sepenuh masa di bawah program pengajian berikut:

- i) Master in International Affairs (MIA) selama 2 tahun tempoh pengajian;
- ii) Master in Public Policy (MPP) selama 2 tahun tempoh pengajian; atau
- iii) Master in Public Administration (MPA) selama 1 tahun tempoh pengajian.

Maklumat lanjut berhubung ketiga-tiga program pengajian ini adalah seperti di **Lampiran I** untuk rujukan lanjut pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan.

3. Dalam hubungan ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipelawa untuk mengemukakan pencalonan pegawai kumpulan P&P di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan yang berminat dan berkelayakan untuk memohon mengikuti mana-mana pengajian tersebut. Tarikh mula dan tutup permohonan / pencalonan adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
a.	Permohonan secara atas talian melalui portal eSila JPA, http://esilav2.jpa.gov.my	5 – 30 Oktober 2020
b.	Tarikh tutup pencalonan daripada Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan	6 November 2020



4. Untuk makluman pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan jua, pencalonan oleh pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan tersebut adalah tertakluk kepada saringan lanjut oleh Jabatan ini sebelum senarai akhir pencalonan dikemukakan kepada pihak LKYSPP, NUS. Pencalonan kepada pihak LKYSPP, NUS tersebut adalah **bagi permohonan pengajian sahaja** manakala peluang penajaan biasiswa adalah **di bawah pertimbangan lanjut pihak LKYSPP, NUS**. Pegawai-pegawai yang berjaya ditawarkan pengajian oleh LKYSPP, NUS sama ada **dengan biasiswa atau sebaliknya adalah tertakluk kepada pematuhan syarat dan dasar berkaitan cuti belajar** yang sedang berkuat kuasa serta **kelulusan cuti belajar** oleh Jabatan ini atau pihak berkuasa melulus yang berkaitan kelak.

5. Maklumat lanjut berhubung syarat, tatacara dan saringan bagi permohonan / pencalonan untuk pelawaan ini adalah seperti di **Lampiran II**. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh merujuk kepada:

Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Telefon : 03-8885 3053 / 3879
Emel : penawaranldp@jpa.gov.my

6. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menandatangani amanah,



(AZURA BINTI AZIZ)

Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Graduate
Programmes



Lee Kuan Yew
School of Public Policy



MASTER DEGREE PROGRAMMES AT-A-GLANCE

- ¹ Visit the LKYSPP website at <https://lkyspp.nus.edu.sg/> for the full list of electives.
- ² TOEFL/IELTS test score is mandatory for all applicants except those with a bachelor degree conducted entirely in English. A score of 100 (TOEFL internet-based test), 600 (TOEFL paper-based test) or 7.0 (IELTS academic test), is preferred.*
- * Students are expected to study the same language throughout the three semesters.

Programme	Master in Public Policy (MPP)	Master in International Affairs (MIA)	Master in Public Administration (MPA)	Double Master Degree in Public Policy and European Affairs (MPP-MEA) <i>Jointly offered by LKYSPP and Sciences Po</i>
Duration	Two years (full-time)	Two years (full-time)	One year (full-time)	Two years (full-time)
Language of instruction	English	English	English	English
Approx. cohort size	60-80 students	30 students	40-60 students	10-25 students
Admissions criteria	<ul style="list-style-type: none"> Young professionals with up to five years of working experience Demonstrate maturity and commitment towards public service Proficiency in written and spoken English 	<ul style="list-style-type: none"> Possess a good undergraduate degree Young professionals with at least 2 years of work experience are preferred Fresh graduates are welcome to apply Passionate about contributing to positive transformation in Asia and beyond Proficiency in written and spoken English Relevant work experience is an advantage 	<ul style="list-style-type: none"> Applicants in mid-level managerial position in their careers Aspire to management roles and demonstrate commitment towards public service Proficiency in written and spoken English 	<ul style="list-style-type: none"> Fresh graduates are welcome to apply Possess a good undergraduate degree Some background in Mathematics and Economics would be advantageous Proficiency in written and spoken English
Curriculum focus	Rigorous training for a strong foundation in economics, political science, policy analysis, to enable production of research and analysis of findings for effective programme evaluation and management.	Highlights Asia's role as a key influencer in world affairs. Programme provides students with a strong foundation in both theoretical frameworks and practical knowledge of multi-disciplinary subfields of international relations, together with an immersive experience in Asia.	Intensive and interdisciplinary training in decision-making and problem-solving; planning of detailed policy responses to complex issues that shape national, regional and global policies and projects.	A unique framework for the development of specific professional skills focused on European and Asian markets. During the first year at Sciences Po, students will be immersed in a culture of innovation and exploration in addition to fundamental courses in public policy alongside European professionals and decision-makers. Second year at LKYSPP, students will continue their rigorous training and gain a strong foundation in policy analysis, programme evaluation and management in an Asian and Singapore context.
Core modules	<ul style="list-style-type: none"> Policy Challenges Economic Foundations for Public Policy Quantitative Research Methods for Public Policy 1 Quantitative Research Methods for Public Policy 2 Qualitative Research Methods for Public Policy Foundations in Public Policy Working with Stakeholders Policy Analysis Exercise (PAE) LKY School Course 	<ul style="list-style-type: none"> The LKY School Course International Relations: Theory and Practice International Security – Concepts, Issues and Policies International Political Economy Research Methods in International Affairs International Economic Development Global Governance in a Changing World 	<ul style="list-style-type: none"> The LKY School Course Economic Analysis Policy Analysis Public Management Governance Study Project (GSP) 	<p>Sciences Po</p> <ul style="list-style-type: none"> Public Economics Constitutional Foundations of the European Union The Political System of the European Union in a Time of Crisis Policy Analysis and Policy Evaluation Economics of European Integration The Law of the Internal Market Ethics and Public Policy Language course* <p>LKYSPP</p> <ul style="list-style-type: none"> The LKY School Course Quantitative Research Methods for Public Policy Language course*
Specialisations/Electives ¹	Students may specialise in: <ul style="list-style-type: none"> Economics and Development Politics and International Affairs Management and Leadership 	Students will be able to specialise in six areas: <ul style="list-style-type: none"> Politics, International Relations and Law International Security International Economics and Development Regional Studies: The Asia Pacific International Public Management and Leadership Energy, Environment, Water 	Students must take two modules from Public Management and Leadership specialisation areas. Students can further select any four elective modules, and register for a maximum of two elective modules in other postgraduate programmes.	<p>Sciences Po</p> <p>Students are able to select among 12 policy streams and several elective modules. Visit http://www.sciencespo.fr/public/en/content/master-european-affairs for the full list of elective modules.</p> <p>LKYSPP</p> <p>Students may read eight elective modules. Visit https://lkyspp.nus.edu.sg/graduate-programmes/double-master-degree-in-public-policy-and-european-affairs/curriculum for the full list of electives</p>
International component and double degrees	<ul style="list-style-type: none"> Exchange programmes Internship opportunities Double degrees with overseas partners Double degrees at National University of Singapore (NUS) 	<ul style="list-style-type: none"> Exchange programmes Local and overseas internship opportunities 	<ul style="list-style-type: none"> Governance study trip Double degrees at National University of Singapore (NUS) 	Students need to complete an internship during the summer break between the first year and the second year.
Admissions documents ²	<ul style="list-style-type: none"> Online application form Official academic transcripts and certificates Curriculum vitae or resume TOEFL/IELTS test score (TOEFL ITP® Plus acceptable for applicants based in China) GRE/GMAT test score (optional) Two essays 2 letters of references – 1 professional reference and/or 1 academic reference 	<ul style="list-style-type: none"> Online application form Official academic transcripts and certificates Curriculum vitae or resume TOEFL/IELTS test score (TOEFL ITP® Plus acceptable for applicants based in China) GRE/GMAT test score (optional) Personal statement in no more than 500 words One writing sample in no more than 2,000 words Two letters of reference (can either be professional or academic reference(s)) 	<ul style="list-style-type: none"> Online application form Official academic transcripts and certificates Curriculum vitae or resume TOEFL/IELTS test score (TOEFL ITP® Plus acceptable for applicants based in China) GRE/GMAT test score (optional) Two essays Two reports of reference (professional) 	<ul style="list-style-type: none"> Online application form Official academic transcripts and certificates Curriculum vitae or resume TOEFL/IELTS test score Personal Statement Two reports of reference
Application deadlines	Applications open on 1 August and close on 31 December every year. For more information, contact us at +65 6601 6254 or visit our admissions webpage at https://lkyspp.nus.edu.sg			Applications for MPP-MEA must be submitted via Sciences Po Admissions System: http://lkyspp.sg/apply-mpp-mea . Visit http://lkyspp.sg/apply-mpp-mea for more info. For more information, please visit the Sciences Po website at http://www.sciencespo.fr/public/en/ and LKYSPP website at https://lkyspp.nus.edu.sg

TUITION AND FINANCIAL AID

Fees and Costs¹ (For Academic Year 2020/2021)

	Master in Public Policy (MPP)	Master in International Affairs (MIA)	Master in Public Administration (MPA)
Tuition fees (Singaporeans) ²	TBC*	S\$77,198	S\$20,515
Tuition Fees (Singapore PRs) ²	S\$40,500		S\$22,165
Tuition fees (International students) ³	S\$60,700		S\$33,220
Tuition fees without subsidy ⁴	S\$88,320		S\$48,576
Other fees (Estimated) ⁵	S\$4,000	S\$4,000	S\$4,000
Costs at partner university ⁶	N/A	N/A	N/A
Living costs ⁷	S\$1,920 to S\$2,625 per month		
Student service fee	S\$165.30 per semester		
Health service fee	S\$68.35 per semester		

Double Master Degree in Public Policy and European Affairs (MPP-MEA)				
1 st Year at Sciences Po	Students whose tax residence is in the European Economic Area		Students whose tax residence is not in the European Economic Area	
		€0 to €14,700		€14,700
2 nd Year at Lee Kuan Yew School of Public Policy	Singaporeans ²	Singapore PR ²	International Students Subsidised Fees ³	Full Tuition Fees Without Subsidy ⁴
	TBC*	S\$20,350	S\$30,500	\$44,160

*The tuition fee schedule for the remaining course duration for Singaporean students admitted in AY2020/2021 intake will be reviewed before the start of AY2021.

1. Fees are correct at time of printing and are subject to change.
2. Fee amounts quoted here for Singapore Citizens and Permanent Residents are exclusive of prevailing GST. The applicable GST is subsidised by the Ministry of Education, MOE.
3. Fee amounts quoted here for International Students are inclusive of prevailing GST. International Students will have to bear the prevailing GST (currently 7%) levied on the fees payable by them.
4. Students who have previously enjoyed government subsidy or sponsorship by a Singapore government agency (such as scholarships offered by the Ministries, Public Service Commission and Statutory Boards) in a graduate programme will not be eligible for Ministry of Education (MOE) subsidy in another graduate programme at the same or lower level. Instead, such students will be liable to pay "Non-Subsidised Fees", inclusive of prevailing GST. For example, students who had previously enjoyed subsidies/scholarship in a Master programme and had attained the Master degree will not be eligible for subsidies in another programme at Master or lower level. For more details, please visit <http://www.nus.edu.sg/registrar/administrative-policies-procedures/graduate/graduate-fees>
5. Includes payment for student development programmes, the orientation programme, student pass/visa fees and the programme closure event. These costs vary from year to year.
6. Includes accommodation, curriculum materials and activities and local expenses.
7. Costs are estimated; visit our website for a breakdown of costs.

Scholarships

We offer a number of merit-based scholarships for the MPP, MPA and MIA programmes. Applicants must demonstrate good academic and professional records, leadership qualities and a strong desire to contribute to public service.

**MAKLUMAT BERHUBUNG PELAWAAN MENGIKUTI PENGAJIAN SARJANA DI
LEE KUAN YEW SCHOOL OF PUBLIC POLICY
NATIONAL UNIVERSITY OF SINGAPORE**

1. SYARAT-SYARAT PENCALONAN

- i) Pegawai-pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- ii) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini pada tarikh tutup permohonan;
- iii) Pegawai mestilah berumur tidak melebihi 50 tahun bagi pengajian peringkat Sarjana pada 1 Januari 2021;
- iv) Mencapai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2017, 2018 & 2019). Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- v) Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2021)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- vi) Kursus yang dipohon adalah berkaitan dengan bidang yang bersesuaian dengan bidang tugas;
- vii) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;
- viii) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penaja yang lain bagi pengajian yang diikuti;

- ix) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- x) Telah mengisytiharkan harta;
- xi) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA; dan
- xii) Tidak mempunyai sebarang kecacatan fizikal dan mental;

2. TATACARA PERMOHONAN DAN PENCALONAN

A) Tanggungjawab Pegawai / Pemohon

- i) Pegawai yang berminat dan berkelayakan dikehendaki melengkapkan borang permohonan (**LAMPIRAN A**) secara atas talian melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka mulai **5 Oktober 2020 sehingga 30 Oktober 2020**.
- ii) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun, dicetak dan ditandatangani oleh pegawai sebelum dikemukakan kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk pengesahan dan perakuan khususnya berkaitan maklumat perkhidmatan pegawai. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan ke atas buku perkhidmatan pegawai sebelum membuat pengesahan dan perakuan untuk memastikan ketepatan maklumat perkhidmatan pegawai yang diperlukan.
- iii) Borang permohonan yang telah diperakukan oleh Ketua Jabatan tersebut hendaklah dikemukakan kepada urusetia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing bersama-sama dengan salinan dokumen-dokumen berikut:
 - a) Kad Pengenalan (salinan perlu disahkan);
 - b) Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya bersekali dengan transkrip penuh pengajian (salinan perlu disahkan);
 - c) Ijazah Sarjana / Ph.D sekiranya ada (salinan perlu disahkan);
 - d) Senarai tugas terkini (salinan perlu disahkan); dan
 - e) *Curriculum vitae* (CV)

Nota :

- Bagi pegawai Perkhidmatan Gunasama, PPSM yang dimaksudkan adalah di peringkat Kementerian masing-masing.
- Bagi pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama, PPSM yang dimaksudkan adalah di peringkat Ketua Perkhidmatan masing-masing.

B) Tanggungjawab Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM)

- i) Permohonan lengkap yang diterima oleh urusetia PPSM hendaklah diperakukan oleh PPSM yang berkaitan terlebih dahulu sebelum pencalonan dikemukakan kepada pihak Jabatan ini seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. PPSM adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti ke atas setiap permohonan pegawai dan adalah menjadi tanggungjawab PPSM untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja kepada Jabatan ini.
- ii) Dalam mengemukakan pencalonan kepada Jabatan ini, urusetia PPSM dipohon untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - a) Menyemak dan memastikan ruangan perakuan Ketua Jabatan di dalam borang permohonan (**LAMPIRAN A**) dilengkapi dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan pegawai yang memohon serta disertakan bersama dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan seperti dinyatakan di perenggan 2 A iii);
 - b) Melengkapkan Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**) dan ditandatangani oleh pihak yang terlibat;
 - c) Mengemukakan pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh PPSM sahaja kepada Jabatan ini dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen berikut:
 - (i) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 2 A iii); dan
 - (ii) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 2 B ii) b).

- iii) Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini selewat-lewatnya pada **6 November 2020** dan dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.

(u.p.: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

- iv) Permohonan tidak akan diproses untuk tujuan pencalonan kepada LKYSPP, NUS sekiranya didapati permohonan yang dikemukakan tidak lengkap, tidak dikemukakan melalui PPSM yang ditetapkan atau tidak memenuhi syarat kelayakan;
- v) Jabatan ini juga berhak menolak pencalonan daripada kementerian/jabatan/agensi yang didapati tidak mengambil tindakan yang digariskan di atas;
- vi) Segala keputusan pencalonan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

3. SARINGAN DAN PEMILIHAN

- i) Pemohonan akan disaring oleh pihak Jabatan ini terlebih dahulu sebelum disenarai pendek untuk dicalonkan kepada pihak LKYSPP, NUS. Pihak LKYSPP, NUS akan menghubungi pegawai yang dipertimbangkan oleh mereka dan akan memaklumkan kepada pegawai untuk mengisi permohonan secara online kelak.
- ii) Permohonan secara online tersebut memerlukan beberapa dokumen yang perlu disediakan oleh pegawai seperti yang dinyatakan dalam brosur di **Lampiran I**. Pegawai adalah dinasihatkan untuk bersedia awal dengan dokumen-dokumen yang diperlukan (dalam bahasa Inggeris) yang antaranya adalah *Personal Statement* (tidak melebihi 500 patah perkataan), *Writing sample* (tidak melebihi 2,000 patah perkataan), *essays*, salinan ujian bahasa Inggeris seperti TOEFL/IELTS/GRE/GMAT/LSAT, *letters of reference (either professional or academic reference)* dan dokumen-dokumen lain yang akan dimaklumkan oleh pihak LKYSPP, NUS (sekiranya ada).

- iii) Pegawai-pegawai yang berjaya ditawarkan pengajian oleh LKYSPP, NUS kelak sama ada dengan biasiswa atau sebaliknya perlu memohon kelulusan cuti belajar daripada Jabatan ini atau pihak berkuasa melulus yang berkaitan. Dalam meluluskan cuti belajar tersebut, pematuhan syarat dan dasar berkaitan cuti belajar yang berkuat kuasa akan diambil kira dan tawaran tempat pengajian oleh pihak LKYSPP, NUS kepada pegawai tidak menjamin kelulusan cuti belajar turut diberikan kepada pegawai.